



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (31)

SIARAN MEDIA

PELANCARAN MyFiRSt DAN BLUEPRINT MyMPA PERKUKUH KELESTARIAN SUMBER PERIKANAN NEGARA

PUTRAJAYA, 26 Ogos 2025 – Jabatan Perikanan Malaysia menganjurkan **Seminar Konservasi Sumber Perikanan 2025** bertemakan “*Ke arah Kelestarian Pengurusan Sumber Perikanan Negara*”. Seminar yang dirasmikan oleh Ketua Pengarah Perikanan, **YBhg. Dato’ Haji Adnan bin Hussain**, menekankan kepentingan pengurusan sumber perikanan secara mampan bagi memastikan keterjaminan makanan negara serta kelestarian ekosistem marin. Penganjuran ini juga sejajar dengan pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2021–2030) dan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2022–2030 yang menggariskan hala tuju pemuliharaan biodiversiti marin negara.

Majlis perasmian turut menyaksikan pelancaran dua inisiatif utama, iaitu **Laporan Kajian Blueprint Large Marine Managed Area (MyMPA)** serta pelancaran dan **Go-Live Malaysia Fisheries Resource System (MyFiRSt)**. Kedua-dua inisiatif ini diyakini dapat memperkukuh strategi pengurusan perikanan negara secara bersepadu, terancang dan berkesan.

MyFiRSt (Malaysia Fisheries Resource System) merupakan inisiatif pendigitalan data kebangsaan oleh Jabatan Perikanan Malaysia untuk mengumpul, menyelaraskan dan berkongsi maklumat biodiversiti marin dan perikanan darat. Ia merangkumi data kawasan perlindungan marin (*Marine Protected Areas, MPA*), pengurusan perikanan, laporan orang awam serta lapisan data spatial untuk pemetaan (*mapping*) dan analitik (*analytics*). Melalui MyFiRSt, data perikanan dapat diurus secara lebih standard, telus dan terkawal, sekali gus menyokong pengurusan berasaskan sains, memperkukuh dasar serta meningkatkan keberkesanan tindakan pemuliharaan.

Blueprint MyMPA pula dibangunkan hasil kolaborasi strategik antara Jabatan Perikanan Malaysia dan **Universiti Malaysia Terengganu (UMT)**. Dokumen ini menyediakan panduan berasaskan bukti saintifik bagi mengenal pasti kawasan berpotensi sebagai kawasan perlindungan marin (*Marine Protected Areas, MPA*) dan *Other Effective Area-Based Conservation Measures (OECM)*, selaras dengan sasaran nasional peluasan kawasan perlindungan marin sebanyak 10 peratus menjelang tahun 2030. Pelaksanaan Blueprint ini akan memperkukuh jaringan perlindungan marin negara, di samping memperkayakan biodiversiti dan menyokong keterjaminan makanan melalui stok sumber yang lebih lestari.

Selain pelancaran dua inisiatif utama tersebut, seminar ini turut membentangkan empat skop kajian penting yang menyentuh aspek strategik pemuliharaan marin. **Kajian Naratif Nilai Ekonomi Keseluruhan (Total Economic Value, TEV) Pulau Payar dan Layang-Layang** menekankan kepentingan kedua-dua kawasan marin sebagai aset strategik negara. Nilai ekonomi Pulau Payar dianggarkan RM598 juta setahun, manakala Pulau Layang-Layang



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



ACB QMS 01



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

mencecah RM1.35 bilion setahun melalui sumbangan perikanan laut dalam, rekreasi, pelancongan dan konservasi. Penemuan ini membuktikan pelaburan dalam pemuliharaan marin mampu memberikan pulangan sosioekonomi yang signifikan kepada negara.

Kajian sosioekonomi tukun tiruan di Pantai Timur menunjukkan tukun tiruan berjaya meningkatkan hasil tangkapan ikan dan menjimatkan kos operasi. Purata tangkapan Zon A dicatatkan 10 kg sejam atau 118 kg setiap trip, dengan Terengganu mencatat hasil tertinggi bagi setiap unit usaha (Tangkapan Per Unit Usaha, TPUU / Catch Per Unit Effort, CPUE). Limpahan stok turut dilihat ke Zon B, C dan C2, menunjukkan manfaat tukun kepada kawasan laut dalam. Dari segi ekonomi, melalui kaedah Kesiediaan Membayar (WTP / Willingness To Pay), nilai terkumpul tukun sepanjang 50 tahun diunjurkan sebanyak RM28.78 juta, iaitu melebihi tiga kali ganda kos pemasangan yang bernilai RM6.165 juta dan ini menunjukkan bahawa pelaburan ini berbaloi untuk nelayan serta pembangunan sumber laut mampan.

Sementara itu, **kajian ekologi jerung paus di Pulau Tenggol, Dungun** menambah pengetahuan baharu mengenai spesies ikonik ini. Tinjauan penyelam merekodkan sebanyak 61 kejadian kelihatan jerung paus dalam tempoh 2017 hingga 2024, dengan pola kemunculan pada waktu pagi pada kedalaman 10 hingga 20 meter. Penemuan ini bukan sahaja mengesahkan kepentingan Pulau Tenggol sebagai habitat kritikal jerung paus, malah membuka peluang pembangunan ekopelancongan beretika serta penglibatan komuniti dalam sains rakyat (*citizen science*) bagi konservasi spesies payung ini.

Ketua Pengarah Perikanan, Dato' Haji Adnan bin Hussain berkata, pelancaran MyFiRSt dan Blueprint MyMPA merupakan langkah penting dalam memperkukuh pengurusan sumber perikanan negara secara berasaskan sains dan lebih bersepadu.

"MyFiRSt membolehkan data perikanan dan biodiversiti marin diselaraskan secara lebih sistematik, manakala Blueprint MyMPA menyediakan panduan saintifik peluasan kawasan perlindungan marin selaras dengan sasaran negara. Kedua-dua inisiatif ini saling melengkapi bagi memastikan tadbir urus perikanan lebih tersusun dan berkesan demi manfaat komuniti pesisir, nelayan serta kelestarian sumber perikanan negara," katanya.

Seminar selama tiga hari, yang berlangsung dari 26 hingga 28 Ogos, menghimpunkan lebih 25 kertas penyelidikan yang dibentangkan oleh pakar akademik, penyelidik, serta pengamal lapangan. Fokus utama seminar ini merangkumi ekonomi dan sosioekologi, biodiversiti, oseanografi, pengurusan kawasan perlindungan marin, serta penglibatan komuniti setempat. Penganjuran seminar ini memperkukuhkan peranan Jabatan Perikanan Malaysia sebagai agensi peneraju dalam memastikan pengurusan sumber marin dilaksanakan secara mampan, inklusif, dan berdaya tahan, sejajar dengan dasar negara serta komitmen antarabangsa.

-TAMAT-

Pautan gambar :

[MAJLIS PERASMIAN SEMINAR KONSERVASI SUMBER PERIKANAN - Google Drive](#)

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my